KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

# Tinjauan BELIA & TVET

IYRES INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA

**n= 1,011 orang**

## TAHAP PENDIDIKAN




## JANTINA




## KATEGORI UMUR




## ETNIK




## STATUS SEMASA




**77.9%** TAHU BERKENAAN KURSUS TVET

**83.5%** DAPAT MAKLUMAT BERKENAAN TVET

*Petunjuk tahap:* 1.00 - 2.33 | 2.34 - 3.67 | 3.68 - 5.00

Tinggi / Sederhana / Rendah

| PERSEPSI TERHADAP TVET | Min |
|---|---|
| TVET adalah pilihan kedua selepas gagal masuk ke universiti. | 2.57* |
| TVET adalah untuk pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik. | 3.63* |
| TVET lebih memberi penekanan kepada kemahiran praktikal berbanding teori. | 4.25 |
| Kualiti program TVET di Malaysia adalah tinggi. | 4.10 |

**Min keseluruhan bagi Persepsi Belia terhadap TVET ialah 3.64.** Nilai ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, responden mempunyai persepsi yang sederhana dan cenderung positif terhadap TVET.

| PENGARUH ORANG SEKELILING | Min |
|---|---|
| Keluarga saya tidak menghalang saya untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran. | 2.57 |
| Rakan-rakan saya lebih cenderung untuk memilih bidang akademik berbanding TVET. | 3.63* |
| Guru/ pensyarah saya sentiasa memberikan galakan dan sokongan untuk memilih bidang kemahiran. | 4.25 |
| Terdapat banyak maklumat dan informasi mengenai bidang kemahiran yang boleh saya rujuk. | 4.10 |

**Min keseluruhan bagi Persepsi Belia terhadap TVET ialah 3.54.** Data memperlihatkan bahawa ekosistem sosial responden secara amnya menyokong TVET terutamanya daripada keluarga, guru atau pensyarah, serta dari sudut ketersediaan maklumat. Namun, responden masih merasakan bahawa rakan sebaya lebih cenderung memilih laluan akademik berbanding TVET.

| PROSPEK KERJAYA DAN KEWANGAN | Min |
|---|---|
| Kos pengajian TVET adalah lebih mahal berbanding bidang lain. | 2.57* |
| Gaji permulaan graduan TVET adalah rendah. | 3.63* |
| Peluang pekerjaan bagi graduan TVET adalah terhad. | 4.25* |
| Terdapat bantuan kewangan atau biasiswa yang mencukupi untuk pengajian TVET. | 4.10 |

**Min keseluruhan bagi Persepsi Belia terhadap TVET ialah 3.33.** Responden mempunyai persepsi yang sederhana positif terhadap aspek prospek kerjaya dan kewangan TVET. Ringkasnya, belia mungkin menerima TVET dari segi pembelajaran dan sokongan sosial, tetapi masih memerlukan jaminan yang lebih meyakinkan tentang laluan kerjaya, pendapatan, dan jaminan masa depan

*Penilaian item menggunakan skala likert 5 mata. Item bertanda (*) telah dibuat pengekodan terbalik (reverse coding)*

### Top 5 SUMBER MENDAPAT MAKLUMAT BERKAITAN TVET

1. Facebook
2. Guru
3. Keluarga/ saudara mara
4. Rakan/ kenalan
5. Tiktok

**76.6%** BERMINAT DENGAN KURSUS TVET

### BIDANG KEMAHIRAN TVET YANG DIMINATI (Top 5)

1. Teknikal, kejuruteraan dan pembuatan
2. Hospitaliti, kulinari dan pelancongan
3. ICT dan reka bentuk digital
4. Perniagaan dan perkhidmatan
5. Fesyen dan kecantikan

### CARA MENARIK MINAT BELIA MENYERTAI ILKBS

1. **Promosi inklusif dan pendedahan awal:** Promosi awal mensasarkan semua kaum terutama di sekolah jenis kebangsaan dengan menggunakan pelbagai bahasa.
2. **Insentif kewangan dan bantuan:** Menawarkan bantuan kewangan atau kemudahan pembelajaran berdasarkan sistem *merit-based* terutama kepada belia bukan bumiputera berstatus B40 .
3. **Jaminan kerjaya dan prospek gaji:** Penekanan kepada prospek kerjaya yang jelas dan jaminan penempatan kerjaya. Memperkukuh kerjasama dengan industri pelbagai kaum dan multinasional untuk latihan industri.
4. **Kursus relevan dan berkualiti:** Menyedia dan memperbanyakkan kursus dalam bidang yang relevan, berkualiti, dan mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran semasa
5. **Persekitaran budaya dan kesamarataan:** Mencipta suasana pembelajaran yang inklusif, mesra semua kaum, dan bebas diskriminasi.